

KEBEBASAN AKADEMIK: MEMPERKASA SISTEM PENDIDIKAN DI MALAYSIA

*(Academic Freedom: Strengthening the Educational System in
Malaysia)*

*Hasbollah Mat Saad

hasbollah.saad@mmu.edu.my

Fakulti Undang-undang,
Universiti Multimedia, Melaka

Terbit dalam talian (*published online*): 3 Januari 2020

Sila rujuk: Hasbollah Mat Saad. (2020). Kebebasan Akademik: Memperkasa Sistem Pendidikan di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(1), 119-144.

Abstrak

Kebebasan akademik merupakan antara inti pati dalam pembentukan sesebuah institusi pendidikan tinggi yang bermatlamatkan pendidikan yang holistik dan bersepadu untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan. Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menetapkan hak dan kebebasan kepada semua warganegara untuk menyuarakan pendapat mereka secara bebas. Walau bagaimanapun terdapat banyak peruntukan undang-undang lain yang memberikan kesan terhadap kebebasan akademik di Malaysia antaranya termasuklah; Kanun Keseksaan (Akta 574), Akta Fitnah 1957, Akta Hasutan 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, dan Perlembagaan bagi setiap institusi pendidikan di Malaysia. Masyarakat yang berteraskan ilmu hendaklah diberikan hak dan kebebasan untuk menyuarakan apa-apa pendapat, idea, penemuan atau pembaharuan yang kemudiannya disalurkan kepada pihak yang berkaitan bagi membangunkan negara. Keterbatasan ruang yang diberikan terhadap hak dan kebebasan ini mengakibatkan “kemandulan” pemikiran masyarakat yang akhirnya menyumbang ke arah pengucupan dari segi keilmuan. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menzahirkan konsep,

dan skop yang difikirkan sesuai bagi membantu masyarakat memahami hakikat sebenar keadaan ini dan menjurus kepada pembentukan masyarakat berpengetahuan seperti matlamat yang digariskan dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Kata kunci: Kebebasan akademik, peranan, memperkasa sistem pendidikan, masyarakat berpengetahuan.

Abstract

Academic freedom is one of the important elements of the establishment of higher education institutions for promoting a holistic and integrated education in order to produce knowledgeable human capital. Article 10 of the Federal Constitution clearly states that it all citizens have the right and freedom to express their views freely. From the said provisions of the Federal Constitution, there are many other legal provisions that have an impact on academic freedom in Malaysia. These include the Penal Code (Act 574), the Defamation Act 1957, the Sedition Act 1948, the Printing Presses and Publications Act 1984, the Official Secrets Act 1972, the Communications and Multimedia Act 1998, the University and University Colleges Act 1971, the constitution of every educational institution in Malaysia and others. A knowledge-based society should be given the right and freedom to express any ideas, findings or reforms that can be channeled to the relevant parties for the development of the country. However, limiting the space for these rights and freedoms will result in an “infertile” climate of thinking within local society, which will eventually lead to a reduction in intellectualism. Therefore, this article is designed to provide the concepts, scope and other factors that are considered appropriate to help the public understand the reality of the situation and how it can lead to the formation of a knowledge society as outlined in the Malaysian education system.

Keywords: Academic freedom, role, strengthening of education system, knowledge society

PENDAHULUAN

Hubungan antara kebebasan akademik dengan pembentukan sistem pendidikan bagi sesebuah negara merupakan satu daripada elemen utama yang perlu dititikberatkan dalam merealisasikan pembentukan modal

insan yang berdaya saing dan mempunyai tahap pemikiran yang dianggap sebagai “tahap pemikiran kelas pertama”. Pemikiran yang terbuka dapat melahirkan idea yang bernas untuk digarap oleh semua pihak bagi membangunkan sistem pendidikan yang mantap serta mampu memberikan impak dan kesan yang baik untuk generasi yang akan datang. Piagam Hak-hak Asasi Kesatuan Eropah telah mengaplikasikan satu polisi yang cukup jelas dalam memberikan hak dan kebebasan untuk menjalankan penyelidikan. Garis panduan dalam hal ini telah dibuat dengan menyatakan bahawa penyelidikan dalam semua bidang dan cabang ilmu hendaklah diberikan kebebasan yang sebaik-baiknya tanpa sebarang sekatan yang tidak munasabah. Oleh itu, kebebasan akademik hendaklah diberikan pengiktirafan dan dihormati oleh semua pihak.¹

KONSEP KEBEBASAN AKADEMIK

Menurut Morris (1963), pemakaian konsep kebebasan akademik merangkumi semua cendekiawan yang terlibat secara langsung dalam hal pendidikan, termasuklah ahli kepada sesebuah fakulti dan badan yang berkaitan dengan pelajar.² Poch (1993)³ dan Meyer (1993)⁴ pula melihat konsep yang lebih luas, iaitu kebebasan akademik merupakan satu hak dan kebebasan yang wajar diberikan kepada mereka yang pakar dalam bidang yang berkaitan untuk menganalisis apa-apa perkara atau subjek, mengajar, menjalankan penyelidikan dan menerbitkan hasil yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan.

Hodgkin (1967) dalam satu pernyataannya tentang kebebasan akademik menyebutkan bahawa ruang lingkup kebebasan akademik ialah kebebasan untuk mengutarakan pendapat yang berasaskan bukti yang sah melalui kajian yang dijalankan, menerbitkan hasil kajian terhadap apa-

1 European Union. 2010. *Charter of Fundamental Rights of the European Union, Official Journal of the European Union C83* (Vol. 53). Brussels: European Union, hlm. 380, <https://www.eos.cartercenter.org> (20 September 2019).

2 Morris, Arval A.(1963). Academic Freedom and Loyalty Oath. *Law and Contemporary Problems*, 28, 487-514.

3 Robert K. Poch. (1993). Academic Freedom in America Higher Education: Rights, Responsibilities, and Limitations. ERIC Clearinghouse on Higher Education, Association for the Study of Higher Education, The George Washington University, 12 May 1993, 1-92.

4 Douglas Laycock. 1995. Academic Freedom, Religious Commitment, and Religious Interguity. *Marquette Law Review*, 78(2), 297-311. Symposium on Religiously Affiliated Law Schools.

apa kajian⁵, mengajar subjek yang bersesuaian dengan kelulusan dan kepakaran seseorang ahli akademik tanpa sebarang kacau ganggu, mana-mana pendapat yang tidak mendoktrinasi apa-apa ideologi yang tidak selari dengan undang-undang sesebuah negara, maka hendaklah diberikan kebebasan yang sewajarnya bagi menyuarakan pendapat tersebut.

Pendleton (1994) pula bersetuju dengan pendapat tersebut, malah meluaskan lagi konsep kebebasan akademik dengan memberikan ruang kebebasan yang sama kepada mereka yang pakar dalam bidang-bidang yang berkaitan tanpa sebarang sekatan yang tidak munasabah atau perlu mengikut telunjuk mana-mana pihak yang berkepentingan dalam sesuatu bidang.⁶ Para pelajar juga hendaklah diberikan hak dan kebebasan yang sama kerana mereka juga memainkan peranan yang penting untuk mewarnai bidang ilmu selagi mereka tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang termaktub bagi sesebuah negara (Shils, 1991).⁷ Scanlon (1975) memberikan pentafsiran yang lebih luas, iaitu, kebebasan akademik ini ialah hak dan kebebasan yang jauh lebih luas daripada kebebasan yang diberikan kepada rakyat biasa.⁸ Pincoffs (1975) pula menyatakan bahawa kebebasan akademik ini ialah hak dan kebebasan yang bersangkutan dalam usaha menegakkan kebenaran tanpa sebarang sekatan yang didominasi oleh mana-mana pihak.⁹

Berdasarkan pendapat yang telah diutarakan oleh para cendekiawan tersebut, dapat disimpulkan bahawa kebebasan akademik merupakan hak dan kebebasan yang cukup luas, namun, hanya melingkungi mereka yang terlibat secara langsung dengan bidang akademik; sama ada dari sudut pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, menerbitkan hasil kajian atau pun mengeluarkan pendapat terhadap isu yang dihadapi oleh masyarakat menurut kepakaran masing-masing. Oleh yang demikian, skop dan konsep kebebasan akademik ini bukanlah dengan sewenang-wenangnya

5 Ghareeb, N. A. (2010). *Academic Freedom of Faculty Members at Kuwait University: Issues of Understanding and Freedom of Research and Publishing*. United Kingdom: Cardiff University.

6 William W. Pendleton. (1994). The Freedom to Teach. *New Directions for Higher Education*, Issue 88, 11-19.

7 Karran, Terence. (2009) Academic Freedom: In Justification of a Universal Ideal. *Studies in Higher Education*, 34, 263-283.

8 Scanlon, T. (1975). Academic Freedom and the Control of Research. E.L Pincoffs (Ed), *The Concept of Academic Freedom*. Texas, USA: Austin: University of Texas Press, 237-254.

9 Scanlon, T. (1975). Academic Freedom and the Control of Research. E.L Pincoffs (Ed), *The Concept of Academic Freedom*, 237-254. Lihat juga: Anthony J. Diekema. (2000). *Academic Freedom and Christian Scholarship*. Michigan: William B. Eerdmans Publishing Company, 98.

diberikan kepada semua pihak, tetapi hendaklah dikhaskan kepada mereka yang benar-benar layak menurut kriteria yang tertentu, agar tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Kebebasan ini dinamakan sebagai kebebasan yang bersyarat (*qualified freedom*). Kemurnian kebebasan akademik ini akan dapat “dipagari” oleh sekatan yang tidak boleh ditembusi oleh pihak-pihak yang tidak mempunyai kelayakan dalam bidang yang berkaitan.

Pendidikan tinggi Amerika bergantung pada nilai asas kebebasan akademik.¹⁰ Kebebasan akademik melindungi ahli akademik dan institusi pengajian tinggi daripada kekangan yang tidak munasabah terhadap aktiviti profesional mereka.¹¹ Doktrin yang luas ini yang memberikan hak dan kebebasan kepada ahli akademik untuk merancang subjek akademik mereka, dan membolehkan mereka mencabar kebijaksanaan konvensional.¹² Di bawah prinsip kebebasan akademik, ahli akademik boleh meneliti, mendalami serta membincangkan sebarang topik yang termasuk dalam bidang kepakarannya. Kecemerlangan sistem pendidikan tinggi Amerika terletak pada kebebasan akademik.¹³

Menurut Deklarasi Mengenai Prinsip-prinsip Kebebasan Akademik 1915, yang dibuat oleh Persatuan Profesor-profesor Universiti di Amerika (*American Association of University Professors*), terdapat tiga faktor utama yang harus diambil perhatian dalam membincangkan kebebasan akademik,¹⁴ iaitu:

- (1) skop dan asas kebebasan akademik,
- (2) sifat persamaan akademik, dan
- (3) fungsi institusi akademik.

Tiga elemen ini mempunyai kaitan yang rapat antara satu sama lain bagi memastikan kesinambungan kebebasan menyuarakan pendapat dapat diberikan kepada mereka yang berkelayakan serta berkemampuan dalam menyumbang ke arah pembentukan sebuah masyarakat yang

10 Franke, A. (2011) Academic freedom primer. *Trusteeship Magazine*, 4, 19, https://scholar.google.com/scholar?cluster=14830613918947687252&hl=en&as_sdt=0,5&scioldt=0,5 (25 September 2019)

11 Franke, A., Academic Freedom Primer, p. 19.

12 Franke, A., Academic Freedom Primer, p. 19.

13 Franke, A., Academic Freedom Primer, p. 19.

14 American Association of University Professors, 1940 Statement of Principles on Academic Freedom and Tenure, (2018), <https://www.aaup.org> (21 September 2019).

mempunyai minda “kelas pertama”. Sebuah masyarakat yang matang dalam menghadapi sebarang permasalahan atau pertikaian yang memerlukan jalan penyelesaian yang tuntas amat memerlukan keluasan ilmu yang berlandaskan kebebasan dan keterbukaan. Apabila masyarakat memahami akan peranan dan kepentingan kebebasan akademik ini dalam usaha memperkasakan sistem pendidikan dalam sesebuah negara, maka secara tidak langsung, minda yang selama ini dikongkong oleh fahaman konservatif dan jumud akan berjaya “dipecahkan”, dan menjadi sebuah masyarakat yang bersifat terbuka dalam menerima maklumat yang disampaikan kepada mereka.

Kebebasan akademik berfungsi untuk memajukan dua nilai teras pendidikan tinggi iaitu¹⁵:

- (1) Memajukan pengetahuan melalui penyelidikan dan kreativiti.
- (2) Mendidik pelajar untuk mengembangkan pemikiran mereka secara bebas dan terbuka. Pendidikan tinggi mendedahkan pelajar kepada idea-idea baharu, pendekatan konseptual baharu, dan bentuk hujah dan kreativiti baharu. Ahli akademik mencabar pelajar untuk mencari fakta, menguji fakta itu, dan mengembangkan rangka kerja pengetahuan dan kebenaran menurut hasil kajian yang mereka peroleh. Ahli akademik juga memerlukan ruang untuk meneroka idea yang bersifat kontroversial dan sensitif bagi memperlihatkan keterbukaan pemikiran dalam kalangan mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang akademik ini. Kebebasan akademik menyediakan ruang untuk melakukan ini tanpa gangguan yang tidak sesuai.

Untuk menyokong kedua-dua nilai teras ini, institusi pengajian tinggi juga perlu bebas daripada gangguan kerajaan atau mana-mana pihak secara yang tidak munasabah.

PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI DALAM MENJANA MODAL INSAN

Modal insan merupakan aset utama dalam pembangunan ketamadunan manusia. Kebergantungan terhadap modal insan yang berpengetahuan

15 Franke, A., *Academic Freedom Primer*, p. 19.

hanya dapat dicapai sekiranya minda manusia dibebaskan daripada menurut norma dan lunas etika yang melingkungi sesebuah masyarakat tersebut. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, institusi pengajian tinggi hendaklah memainkan peranan yang aktif dalam usaha mendidik serta melahirkan masyarakat madani yang berketerampilan.

Berdasarkan cadangan Organisasi Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang melibatkan Tenaga Pengajar di Institusi Pengajian Tinggi, terdapat beberapa komponen penting yang perlu diambil perhatian yang sewajarnya untuk memastikan hak dan kebebasan asasi tenaga pengajar dijaga,¹⁶ iaitu:

- (1) autonomi institusi pengajian tinggi,
- (2) tanggungjawab dan akauntibiliti institusi pengajian tinggi, kebebasan akademik,
- (3) kewajipan-kewajipan institusi pengajian tinggi,
- (4) tempoh perkhidmatan yang dijamin, dan kesepakatan.

Antara komponen utama garis panduan tersebut, kebebasan akademik telah diletakkan sebagai antara elemen utama yang perlu diberikan perhatian yang serius untuk memartabatkan sesebuah institusi pengajian tinggi bagi sesebuah negara.

Seterusnya, menurut Kenyataan Hak dan Tanggungjawab Akademik terdapat lima prinsip yang menyeluruh berkenaan dengan isu institusi pendidikan tinggi ini,¹⁷ iaitu:

- (1) Kepelbagaian institusi,
- (2) pluralisme intelektual dalam semangat keterbukaan, toleransi dan kesopanan, penggredan semata-mata berdasarkan kepada pertimbangan intelektual yang berkaitan dengan perkara yang berkaitan, kesahihan idea yang diakui oleh piawaian intelektual yang berkaitan dengan disiplin akademik dan profesional, dan penghormatan kerajaan terhadap kebebasan sesebuah institusi pengajian tinggi.

16 The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), Recommendation Concerning the Status of Higher-Education Teaching Personnel (2018), <https://portal.unesco.org> (19 September 2019).

17 American Council on Education, Statement on Academic Rights and Responsibilities (2018), <http://www.acenet.edu> (23 September 2019).

Terdapat juga beberapa pendapat daripada pengkaji lepas yang menyenaraikan beberapa lagi tugas atau peranan institusi pengajian tinggi terhadap pembentukan masyarakat yang berpengetahuan, antaranya termasuklah:¹⁸

- (1) Sebagai pusat bagi penyelidikan saintifik,
- (2) sumber bagi inovasi teknologi,
- (3) komitmen terhadap hak-hak dan kebebasan asasi, dan
- (4) keadilan sosial dan pembaharuan masyarakat.

Hal ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya peranan yang perlu dimainkan oleh sesebuah institusi pengajian tinggi untuk membentuk generasi yang prihatin dan cakna terhadap pembangunan bidang keilmuan sesebuah negara. Pembangunan negara yang berteraskan ilmu dapat melahirkan pembangunan yang holistik dan bersepadu bagi menjamin kesinambungan kemajuan sesebuah negara bergerak atas landasan yang betul dan kukuh.

Menurut Zaini Ujang, antara peranan institusi pengajian tinggi melibatkan beberapa aspek utama,¹⁹ antaranya termasuklah:

- (1) Melahirkan modal insan yang mempunyai keupayaan, mampu dan berdaya saing dalam aspek ilmu, berkemahiran dan memenuhi permintaan sektor pekerjaan dan mencipta peluang pekerjaan yang baharu, dan
- (2) memastikan penggunaan dana awam yang boleh membangunkan teknologi dan inovasi melalui kerjasama daripada banyak pihak, termasuklah pihak industri dan pelabur dana yang terbabit.

Sekiranya institusi pengajian tinggi gagal memainkan peranannya sebagai pemangkin budaya ilmu yang “sihat”, tidak mungkin sesebuah masyarakat mampu keluar daripada takuk pemikiran yang “sempit dan tertutup” dan menerima sebarang perubahan yang akan diperkenalkan.

18 Andrea Simina Raule. (2016). Constantin Oprean & Mihail Aurel Titu, The Role of Universities in the Knowledge Based Society. *International Conference Knowledge Based Organization*, XXII(I), 229-231.

19 Zaini Ujang. (2009). *The Elevation of Higher Learning*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, pp. 57-61.

Jika kita melihat serta memerhatikan secara mendalam, perkataan “perubahan” itu sendiri membawa maksud keluar daripada kongkongan yang sempit kepada pembaharuan yang boleh memecahkan “tembok penghalang” yang “bersarang” dalam pemikiran dan tingkah laku seseorang. Oleh yang demikian, peranan institusi pengajian tinggi ini perlu diinovasi agar masyarakat dapat berubah menurut tuntutan zaman dalam melahirkan modal insan yang holistik dan berdaya saing pada peringkat global.

FUNGSI KEBEBASAN AKADEMIK DALAM USAHA MEMARTABATKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Seperti yang termaktub dalam Kertas Cadangan Kebebasan Akademik dan Autonomi Universiti (yang dibuat oleh *Council of Europe*, 2006) yang antara lain menegaskan bahawa terdapat empat prinsip umum autonomi institusi pengajian tinggi dan kebebasan akademik yang digariskan adalah seperti yang berikut:²⁰

Jaminan kebebasan bersuara, bertindak, menyebarkan maklumat mengenai apa-apa perkara secara telus bagi tujuan perkembangan ilmu dan kebenaran. Tanpa jaminan tersebut, tidak mungkin sama sekali ilmu itu dapat diperkembang secara yang lebih jitu. Ketelusan dalam menyampaikan ilmu tersebut haruslah diberikan penekanan yang tinggi kerana ilmu yang “disaluti” dengan perkara atau elemen yang tidak jelas dan “diadun” dengan sesuatu perlakuan yang tidak bertepatan dengan prinsip kebenaran, maka, akhirnya masyarakat menjadi semakin jauh daripada manfaat yang sepatutnya diperoleh daripada ilmu tersebut. Keadaan sebegini akan mengakibatkan matlamat untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan tersekat dan terbantut disebabkan oleh kegagalan dalam mencerakinkan ilmu yang benar.

Manifestasi komitmen yang bebas kepada amalan tradisional yang penting untuk mengembalikan semula fungsi kebudayaan dan sosial dalam sesebuah institusi pengajian tinggi, dari segi dasar yang bermanfaat dalam pembangunan konsep intelektual, tadbir urus yang baik dan pengurusan yang cekap. Intelektual manusia tidak dapat dibangunkan apabila pemikiran mereka disekat tanpa alasan yang munasabah. Hal ini tidaklah bermaksud pemikiran yang berasaskan kebebasan yang mutlak, namun,

20 Karran, T. (2007). Academic Freedom in Europe: A Preliminary Comparative Analysis. *Higher Education Policy*, 20(3), 289-313.

pemikiran tersebut hendaklah “dilapik” dengan kebenaran serta dalil agar manusia dapat menimbang antara kebenaran dan kebatilan.

Bukti yang menunjukkan bahawa pelanggaran kebebasan akademik dan autonomi institusi pengajian tinggi mengakibatkan kekacauan dan kerosakan intelektual, dan seterusnya menyebabkan keadaan sosial dan ekonomi yang terbantut. Bagaimana mungkin keadilan dapat ditegakkan dalam keadaan “kebenaran yang dikunci rapat” oleh pihak-pihak tertentu? Keadilan dan kebenaran tersebut hendaklah “dilepaskan” agar manusia dapat menjadikannya sebagai asas penting dalam membentuk kehidupan yang berteraskan ilmu yang sah. Tanpa asas-asas tersebut adalah mustahil sesebuah masyarakat dapat menjana perubahan yang positif dan efektif bagi mencapai matlamat masyarakat berpengetahuan.

Keperluan untuk bertindak balas kepada keperluan masyarakat yang berubah-ubah yang harus mereka layani, membantu mendidik dan membangun, dalam keadaan yang kondusif untuk mengekalkan jarak kritis, serta mengambil pandangan jangka panjang. Masyarakat yang matang sahaja yang mampu untuk bersaing secara sihat bagi mengekalkan serta memperkembang kesinambungan budaya ilmu yang berteraskan ketelusan dan kemurnian untuk meletakkan sesuatu kebenaran itu pada tempat yang sewajarnya. Keadaan ini hanya dapat dicapai sekiranya semua pihak menggembeng tenaga dan usaha yang gigih dengan “memegang erat” kebebasan akademik yang sepatutnya diamalkan di sesebuah institusi pengajian tinggi tersebut.

Bagi meningkatkan pemakaian konsep kebebasan akademik di institusi pengajian tinggi beberapa strategi hendaklah diambil perhatian yang sewajarnya seperti berikut:

Komitmen dan motivasi hendaklah diterapkan dalam kalangan para akademik dan pelajar.²¹ Pihak institusi pengajian tinggi hendaklah menyediakan platform yang mampu menjadi penanda aras bagi memotivasikan guru untuk membantu para pelajar memahami setiap mata pelajaran yang diajarkan kepada mereka. Keadaan ini dapat dicapai melalui satu mekanisme, iaitu kebebasan akademik yang berlandaskan undang-undang yang sedia ada diberikan kepada kedua-dua pihak dalam

21 Shahrina Md Nordin, Wan Fatimah Wan Ahmad, Yunus Mohd Nayan, Abdul Malek Abdul Rahman, Noraini Ismail, Noor Aini Ahmad & Othman Mohd Yunus. (2015). *Towards Academic Excellence in Perak: Strengthening the Human Capital*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 84-91.

membincangkan, merencana dan menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di institusi pengajian tinggi yang berkaitan. Walau bagaimanapun, pematuhan terhadap undang-undang sedia ada hendaklah sentiasa menjadi keutamaan bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran yang disulami dengan kebebasan akademik ini.

Galakan kepada pihak yang berkaitan dalam bidang pendidikan untuk mengutarakan pendapat secara telus, terbuka dan berasaskan hasil penemuan yang digarap melalui penyelidikan yang mengikut garis panduan sesebuah institusi pengajian tinggi yang berkaitan.

Kurikulum yang dilaksanakan hendaklah mempunyai kesepaduan antara falsafah dan sistem pendidikan sesebuah negara. Kedua-dua elemen penting ini hendaklah digarap secara komprehensif dan teliti bagi memastikannya selari dengan matlamat dan tujuan utama pendidikan.²²

Semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan hendaklah memahami dengan secara holistik tentang kepentingan ilmu dalam kehidupan setiap insan. Mereka hendaklah mampu menguasai dan memahami segala yang dipelajari dengan pemahaman yang baik.²³ Oleh yang demikianlah, dalam ayat al-Quran terdapat perkataan yang mempunyai kaitan yang rapat dengan perkembangan secara holistik seperti yang dinyatakan dalam perkataan *tafaqquh* yang bermaksud menguasai dan mendalami sesuatu ilmu yang dipelajari oleh seseorang.²⁴ Dalam hal ini, apabila seseorang itu mampu menguasai ilmu yang dipelajarinya dengan pemahaman yang jitu, maka, manfaat yang diperoleh daripada individu tersebut akan dapat diterima oleh masyarakat. Bagi menjayakan matlamat ini, kebebasan akademik hendaklah diberikan kepada mana-mana individu yang menjadi “pemain utama” dalam bidang akademik untuk terus menghasilkan penyelidikan dan penemuan yang terbaharu dalam bidang yang menjadi kepakarannya. Melalui ilmu, seseorang itu dapat merancang kehidupannya secara lebih teratur dan sistematik yang akhirnya dapat menyumbang ke arah pembentukan masyarakat yang berdaya saing dan berketerampilan untuk mengharungi liku-liku kehidupan

22 Tahraoui Ramdani. (2016). *The Curriculum of the Islamic Education: Theoretical and Practical Challenges*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, pp. 103-130.

23 Abang Mohd Razif Abang Muis. (2015). *Pembangunan Insan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, pp. 82-94.

24 Abang Mohd Razif Abang Muis, *Pembangunan Insan Berteraskan Islam*, p. 83.

mereka.²⁵ Keadaan ini hanya dapat dicapai sekiranya kebebasan untuk mengutarakan idea dan pendapat yang bernas diperakui oleh pihak yang bertanggungjawab melalui kebebasan akademik.

Pembangunan kurikulum hendaklah bersifat bersepadu, menyeluruh dan diterima pakai pada peringkat antarabangsa; yang menggabungkan antara teori dan praktikal, agar dapat dimanfaatkan oleh pihak akademik dan pelajar apabila selesai proses pengajaran dan pembelajaran.²⁶ Pendidikan yang berteraskan persefahaman antara negara akan lebih menarik minat para akademik dan pelajar untuk menjadikan platform ini sebagai asas percambahan ilmu yang lebih luas serta kreatif dengan menggabungkan konsep kepelbagaian pemikiran yang melangkaui garisan etnik yang mengongkong perkembangan. Keadaan ini dapat dilihat apabila banyak pihak yang menerima dasar pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan Australia yang mengamalkan keterbukaan dalam pembelajaran.²⁷ Hal ini amat berkait rapat dengan kebebasan akademik yang menjadi faktor penyumbang ke arah perkembangan budaya ilmu dan pemikiran yang sihat dalam kalangan masyarakat.

Sesebuah institusi pengajian tinggi yang terbaik berjaya menghasilkan pelajar yang ideal dari sudut pengetahuan dan kehidupan dalam masyarakat.²⁸ Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas apabila graduan yang dilahirkan tersebut dapat menggunakan ilmu yang diperolehnya daripada institusi pengajian tinggi, seterusnya mengaplikasikan ilmunya tersebut secara holistik dan akhirnya menjadikannya seorang yang berjaya dalam kehidupannya.²⁹ Ilmu yang diperoleh dan dipelajarinya itu dipraktikkan secara kreatif sebagai jalan penyelesaian terhadap segala permasalahan kehidupan yang ditempuhinya. Walau bagaimanapun, berusahalah seseorang itu berfikiran secara kreatif sekiranya pemikirannya dikongkong

25 Zaini Ujang. (2011). *Embrace the Knowledge: Understanding Knowledge, Putting it into Practice*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, p. 4.

26 Sarjit Kaur, Shukran Abdul Rahman & Koo Yew Lie. (2014). *Comparing Selected Higher Education Systems in Asia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2014, p. 61-63.

27 Kell, P., Philips, R. & Hoare, L. (2011). A Comparative Study of Selected Higher Education Systems in Asia: Country Report Australia (Unpublished Country Report). *A Comparative Study of Selected Higher Education Systems in Asia*. National Higher Education Research Institute, Penang: IPPTN, p. 28.

28 Zaini Ujang. (2011). *Embrace the Knowledge: Understanding Knowledge, Putting it into Practice*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, p. 67.

29 Zaini Ujang. (2011). *Embrace the Knowledge: Understanding Knowledge, Putting it into Practice*., Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, p. 67.

dan terkongkong semasa melalui proses pengajaran dan pembelajaran? Di sinilah, peranan yang dimainkan oleh kebebasan akademik menjadi pemangkin ke arah melahirkan individu yang bebas dan kreatif dalam mengeluarkan apa-apa pemikiran atau pendapat bagi sesuatu hal.

Peter M. Senge dalam bukunya yang bertajuk *The Fifth Discipline*, menyatakan bahawa terdapat lima elemen penting bagi menjayakan proses pembelajaran di institusi pendidikan,³⁰ iaitu:

Meningkatkan mutu pendidikan dan pengetahuan diri sendiri: keadaan ini boleh melonjakkan seseorang itu pada peringkat yang lebih baik dengan meningkatkan pengetahuan pada peringkat yang lebih tinggi dalam bidang yang berlainan bagi memastikan seseorang itu mampu memperbaiki taraf kehidupannya. Bagi merealisasikan matlamat ini, penglibatan secara langsung dalam mempertingkatkan kemahiran insaniah dalam bidang akademik dan akhlak merupakan elemen penting untuk dipelajari.

Kaedah mental: Merujuk keadaan seseorang yang mampu menyelesaikan masalah yang dihadapinya dan memformulasi rancangan yang baik untuk diguna pakai dalam kehidupannya.

Pembelajaran secara berkumpulan: Memberikan ruang yang secukupnya bagi setiap individu untuk berbincang serta menyelesaikan permasalahan yang dihadapi secara bebas dalam kelompok masing-masing. Idea yang dicambahkan dapat dimanfaatkan bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam masyarakat.

Perkongsian matlamat: Dengan melaksanakan konsep perkongsian matlamat dalam kalangan pelajar ini, mereka akan dapat melihat secara yang lebih luas untuk mencari jalan penyelesaian bagi menghadapi sebarang bentuk permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Para pelajar diberikan peluang untuk mengutarakan idea atau pendapat yang boleh diguna pakai bagi membangunkan sistem pendidikan sedia ada. Pengumpulan idea sebegini amat penting kerana dasar pendidikan memerlukan perubahan dan berevolusi bagi menjamin sistem pendidikan yang mapan dan holistik.

Sistem pemikiran: Kaedah ini menjurus kepada perbincangan untuk mempertingkatkan penyusunan dan pengaplikasian ilmu bagi manfaat

30 Zaini Ujang. (2011) *Embrace the Knowledge: Understanding Knowledge, Putting it into Practice*, p. 90-91.

semua pihak. Boleh dikatakan di sini bahawa prinsip-prinsip tersebut akan terbantut sekiranya kebebasan akademik tidak menjadi teras yang utuh dalam sistem pendidikan sedia ada.

Institusi pengajian tinggi merupakan platform yang terbaik untuk melahirkan minda yang kreatif dan inovatif,³¹ manakala ahli akademik serta pelajar merupakan pelaksana bagi tujuan tersebut. Dua elemen penting ini dapat dihasilkan apabila mekanisme yang menyekat kebebasan akademik tidak menjadi batu penghalang untuk menjayakannya.

KONSEP BIDANG KEPAKARAN DALAM MENENTUKAN KEBEBASAN AKADEMIK

Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2017) (sumber: *Kamus Dewan* Edisi Keempat, 2005), perkataan “bidang” merujuk kegiatan yang diceburi atau lapangan sesuatu disiplin pekerjaan³². Perkataan “pakar” pula merujuk kemahiran seseorang dalam sesuatu bidang atau ilmu pengetahuan.³³ Menurut tafsiran yang dibuat dalam *Kamus Cambridge* pula, perkataan “kepakaran” bermaksud tahap pengetahuan atau kemahiran yang tinggi.³⁴ Takrif “kepakaran” merangkumi pelbagai idea, seperti tahap dan organisasi pengetahuan serta proses penalaran khas untuk pembangunan dan kepintaran.³⁵ Dimensi kepakaran individu mengambil beberapa bentuk dan boleh digambarkan secara umum sebagai kelas prestasi mahir di seluruh domain fizikal dan kognitif.³⁶ Perkataan

31 Zaini Ujang. (2011). *Embrace the Knowledge: Understanding Knowledge, Putting it into Practice*, p. 93.

32 Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Carian PRPM: ‘Bidang’ (2017), <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=bidang&d=10> (13 September 2019).

33 Pusat Rujukan Persuratan Melayu, (2017), <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pakar> (13 September 2019).

34 Cambridge University Press, Meaning of expertise in English. (2019), <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/expertise> (13 September 2019).

35 Hoffman, RR, Feltovich, PJ and Ford, KM., A general framework for conceiving expertise and expert systems in context, *Expertise in context*, Edited by: Feltovich, PJ, Ford, KM and Hoffman, RR. (1997). Menlo Park, California, USA: AAAI Press, pp. 543–580 <https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/14639220802059190> (13 September 2019).

36 Bailey, RW., *Human performance engineering: using human factors/ergonomics to achieve computer system usability*, 3rd, Englewood Cliffs, New Jersey, USA: Prentice Hall; Caldwell, BS. (1997). Components of information flow to support coordinated task performance. *International Journal of Cognitive Ergonomics*, 1, pp. 25–41, <https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/14639220802059190> (13 September 2019).

pakar dalam kata kerja verbal Latin *experiri* bermaksud untuk mencuba. Seorang pakar ialah seseorang yang berpengalaman, mempunyai risiko dan menanggung sesuatu, terbukti dan diuji dalam bidangnya³⁷.

Scardamalia dan Bereiter, menyatakan bahawa takrif “kepakaran” ialah seseorang itu mampu mengingatkan corak khusus tugas yang rumit dan kemudahan kepada pengaksesan maklumat yang tepat³⁸. Scardamalia dan Bereiter menyatakan lagi, perbezaan antara para novis dan ahli yang tidak berdasarkan jumlah pengetahuan yang dikumpulkan dalam domain tertentu, melainkan pada interaksi antara pengetahuan umum domain dan kes tertentu³⁹. Interaksi antara bentuk pengetahuan ialah perbezaan kerana interaksi membantu menjelaskan bukan hanya membezakan bagaimana proses penyelesaian masalah dalam kalangan individu yang pakar dan sebaliknya, tetapi juga bagaimana perkembangan pemahaman baru dalam memajukan bidang kegiatan manusia⁴⁰. Hakikat bahawa kepakaran tidak semudah kuantiti pada satu kontinum tunggal, melainkan suatu proses berdasarkan bagaimana kebolehan yang berbeza berinteraksi. Mereka menggambarkan perkara ini dengan membincangkan bagaimana seorang pakar mesti menjadi pakar dalam kedua-dua bidang, iaitu, membaca dan menulis dalam sesetengah domain, dan bahawa kepakaran ini tidak menarik daripada kemahiran ini secara individu tetapi dalam interaksi produktif antara aktiviti-aktiviti ini.⁴¹

Scribner melihat kepakaran sebagai fungsi pengalaman dan memperkenalkan konsep kecerdasan kerja.⁴² Kepakaran melalui pengalaman juga digunakan untuk menyokong hipotesis bahawa pakar

37 Grundmann R. (2017). The Problem of Expertise in Knowledge Societies. *Minerva*, 55(1), 25–48. doi: 10.1007/s11024-016-9308-7, <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC5306236/#CR16> (13 September 2019).

38 Scardamalia, M and Bereiter, C. (1991). Literate expertise: In *Toward a general theory of expertise*. Ericsson, KA and Smith, J. (Eds.). New York: Cambridge University Press, 172-194, <https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/14639220802059190> (13 September 2019).

39 Scardamalia, M and Bereiter, C., Literate expertise: In *Toward a general theory of expertise*, p. 172.

40 Scardamalia, M and Bereiter, C., Literate expertise: In *Toward a general theory of expertise*, p. 172.

41 Scardamalia, M and Bereiter, C., Literate expertise: In *Toward a general theory of expertise*, p. 175.

42 Mieg, HA. (2001). *The Social Psychology of Expertise: Case Studies in Research, Professional Domains, and Expert Roles*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, <https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/14639220802059190> (13 September 2019).

mempunyai organisasi pengetahuan yang rumit.⁴³ Pengetahuan yang kompleks ini diperoleh melalui pengalaman dari masa ke masa, dan membezakan pakar-pakar dengan orang baharu.⁴⁴ Mieg, menjelaskan dalam penyelidikannya, bahawa keadaan konsep kepakaran agak berbeza.⁴⁵

- (1) Pakar yang mempunyai pengetahuan khusus, dan
- (2) Pakar melalui pengalaman,

Sekurang-kurangnya, perbezaan ini menunjukkan bahawa pengetahuan dalam domainnya ialah jenis kepakaran yang berbeza daripada pengiktirafan faktor keadaan dan pengalaman yang mempengaruhi penggunaan pengetahuan itu.⁴⁶

Caldwell, Hoffman dan Sternberg merumuskan tentang konsep “kepakaran” ini sebagai:⁴⁷

- (1) Pakar menyelesaikan masalah secara berbeza daripada yang lain (perbezaan sebab).
- (2) Pakar memproses lebih cepat daripada yang lain kerana amalan dan kemahiran (automatik).
- (3) Pakar tahu lebih daripada yang lain dan dapat mengakses pengetahuan yang lebih baik (kesempurnaan domain dan organisasi pengetahuan).

43 Seifert, CM. (1997). Experience and Expertise: The Role of Memory in Planning for Opportunities, Expertise in Context: Human And Machine. Feltovich, PJ, Ford, KM and Hoffman, RR. (Eds.). Menlo Park, California: The MIT Press, pp. 101-123.

44 Seifert, CM., Experience and Expertise: The Role of Memory in Planning for Opportunities, Expertise in Context: Human And Machine, pp. 101–123.

45 Mieg, HA. (2001). *The Social Psychology of Expertise: Case Studies in Research, Professional Domains, and Expert Roles*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, p. 4.

46 Mieg, HA. (2001). *The Social Psychology of Expertise: Case Studies in Research, Professional Domains, and Expert Roles*, p. 4.

47 Caldwell, BS. (1997) Components of information flow to support coordinated task performance. *International Journal of Cognitive Ergonomics*, 1, 25–41; Hoffman, RR, Feltovich, PJ and Ford, KM. (1997). “A general framework for conceiving expertise and expert systems in context”. In Expertise in context, Feltovich, PJ, Ford, KM and Hoffman, RR. (Eds.). Menlo Park, CA: AAAI Press; Sternberg, RJ. (1997). Cognitive Conceptions of Expertise, Expertise in Context: Human Aand Machine, Feltovich, PJ, Ford, KM and Hoffman, RR. (Eds.). Menlo Park. CA: The MIT Press, pp. 149-162.

- (4) Pakar lebih pintar daripada yang lain (apabila kecerdasan diukur sebagai keupayaan mental dan/atau kreativiti).
- (5) Pakar mempunyai lebih banyak pengalaman untuk membantu menyusun, memperkemas serta memperkembang pengetahuan (integrasi pembangunan atau pengalaman).

Menurut Peter Dear, pakar ialah seseorang yang dianggap berpengalaman dalam perkara yang berkaitan.⁴⁸ Sebenarnya, pengalaman berkongsi bergantung pada keupayaan untuk mengenali perlakuan atau sifat yang orang (“ahli”) itu boleh dikatakan memilikinya. Keistimewaan itu menyerupai pengetahuan tersirat seperti yang difahami oleh para sarjana dalam kajian sains.

Apabila dua perkataan ini digabungkan, maka, dapat dikatakan sebagai nilai dan kepentingan seseorang yang diukur bagi melihat kebolehannya melaksanakan sesuatu tanggungjawab secara professional.⁴⁹ Kebiasaannya, apabila seseorang itu telah menguasai kemahiran yang baik dalam bidang pekerjaannya, maka beliau boleh dianggap meraih kepakaran berdasarkan kualiti dan hasil kerja yang bermutu.⁵⁰ Peningkatan kualiti dan hasil kerja yang bermutu ini dapat dilihat melalui:⁵¹

48 Dear, Peter, *Mysteries of State, Mysteries of Nature, Authority, Knowledge and Expertise in the Seventeenth Century*, In *States of Knowledge: The Co-production of Science and the Social Order*, ed. Sheila Jasanoff, 206–224, London: Routledge, 2004, pp. 206-207.

49 Nur Fariza Tukiman & Norhasni Zainal Abiddin, *Makna Kepakaran Dalam Profesion Doktor Perubatan Di Malaysia*, *Mimbar Pendidikan: Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*, Volume 3(2), September 2018, UPI (Indonesia University of Education) Press in Bandung, West Java, Indonesia, ISSN 2527-3868 (print), 2503-457X (online), p. 138, <http://ejournal.upi.edu/index.php/mimbardik> (13 September 2019).

50 Nur Fariza Tukiman & Norhasni Zainal Abiddin, *Makna Kepakaran dalam Profesion Doktor Perubatan Di Malaysia*, p. 140.

51 Nur Fariza Tukiman & Norhasni Zainal Abiddin, *Makna Kepakaran dalam Profesion Doktor Perubatan Di Malaysia*, pp. 140-144. Lihat juga: Brock, A., *Perpectives on Professionalism in A. Brock & C. Rankin [eds]. Professionalism in the Interdisciplinary Eary Year Team*, New York: Continuum, 2011, pp. 59-74, Friedson, E., *Professional Powers*. Chicago: University of Chicago Press, McCombs, B.L. *et al.* (1991). *Learner Centered Psychological Principles: Guidelines for School Redesign and Reform*. Washington D.C.: American Psychological Association, 1986, Vaske, J.M., *Critical Thinking in Adult Education: An Elusive Quest for a Definition of the Field*, Unpublished Ed. D. Dissertation in Drake University, 2001.

- (1) Mampu menyiapkan tugas dengan pantas;
- (2) berinteraksi dengan sesuatu permasalahan secara cepat;
- (3) mampu menyelesaikan tugas secara sendiri tanpa perlu penyeliaan yang ketat;
- (4) mampu mengenal pasti permasalahan dengan cepat;
- (5) mampu membantu orang lain mengupas dan menyelesaikan sesuatu permasalahan yang dihadapi;
- (6) mampu menyelesaikan permasalahan yang sukar dan kompleks;
- (7) pengiktirafan dalam mana-mana bidang daripada badan persijilan yang sah mengikut peruntukan sesebuah negara berkaitan⁵²; dan
- (8) mempunyai sifat tanggungjawab terhadap bidang yang diceburinya.⁵³

Dengan meneliti konsep yang telah disebutkan di atas, maka dapat disimpulkan bahawa untuk diiktiraf sebagai seorang yang pakar dalam bidangnya memerlukan proses yang perlu dipatuhi oleh setiap individu agar tidak disalahertikan serta disalahgunakan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Keadaan ini menjadi lebih ketat lagi apabila kita merujuk mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang akademik yang merupakan asas kepada pembentukan modal insan yang berpengetahuan. Pihak yang terlibat secara langsung dalam mengawal selia kualiti institusi pengajian tinggi perlu berdasarkan pada peruntukan perundangan yang sedia ada bagi memastikan tiada sebarang kompromi dalam hal yang berkaitan dengan kualiti pendidikan di negara ini.

KEBEBASAN AKADEMIK DAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Senarai panjang statut yang berkaitan dengan kebebasan bersuara ialah jawapan mudah kepada realiti isu kebebasan akademik di Malaysia. Antara undang-undang yang mempunyai hubungan rapat dengan kebebasan bersuara atau kebebasan akademik termasuklah:

Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang memberikan ruang kepada rakyat Malaysia untuk menyatakan pendapat mereka, tetapi terdapat

52 Nur Fariza Tukiman & Norhasni Zainal Abiddin, Makna Kepakaran dalam Profesion Doktor Perubatan di Malaysia, p. 144.

53 Nur Fariza Tukiman & Norhasni Zainal Abiddin, Makna Kepakaran dalam Profesion Doktor Perubatan di Malaysia, p. 143.

sekatan terhadap kebebasan tersebut. Suatu kebebasan yang tidak mutlak atau kebebasan bersyarat (*qualified rights*), serta mempunyai sekatan yang cukup luas bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh pihak tertentu. Jelas sekali, Perkara 10(2) memberikan kuasa kepada Parlimen untuk menyusun sekatan terhadap kebebasan bersuara⁵⁴.

Kanun Keseksaan (Akta 574) memperuntukkan bahawa apa-apa perkara yang boleh dianggap perbuatan fitnah, maka tindakan jenayah boleh dikenakan terhadap pihak yang terbabit. Kanun Keseksaan juga mempunyai peruntukan dalam mengawal selia hal-hal yang berkaitan dengan penyebaran maklumat kepada awam seperti yang diperuntukkan mengikut seksyen 298, 499, 500, 501 dan 502.

Akta Hasutan 1948 (Akta 15) merupakan satu akta yang telah disediakan khas untuk memberikan peruntukan berkenaan dengan apa-apa hukuman bagi maksud apa-apa kesalahan yang berkaitan dengan perbuatan menghasut.

Akta Fitnah 1957 (Akta 286) merupakan satu akta yang berhubungan dengan undang-undang *libel* (fitnah secara bertulis) dan *slander* (fitnah secara lisan) serta apa-apa perbuatan kepalsuan atau niat jahat yang lain.

Akta Rahsia Rasmi 1972 pula menetapkan beberapa sekatan dokumen kerajaan yang diklasifikasikan sebagai “Rahsia Besar”, “Rahsia”, “Sulit” atau “Terhad” menurut seksyen 2B seperti yang diisytiharkan oleh seseorang Menteri Besar atau Ketua Menteri sesebuah negeri, atau mana-mana pegawai awam yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia, maka dokumen ini hanya boleh diakses oleh orang yang diberi kuasa sahaja. Namun demikian, sekiranya apa-apa dokumen yang diklasifikasikan sebagai “Rahsia” tersebut melibatkan kepentingan awam yang perlu diketahui oleh umum, maka, satu pertimbangan perundangan yang konstruktif perlu dilaksanakan bagi memastikan terdapat imbalan yang adil dan saksama antara “rahsia kerajaan” dengan “kepentingan awam”. Dalam hal ini, tahap klasifikasi “Rahsia” tersebut hendaklah diteliti semula agar tidak dijadikan alasan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab untuk melindungi apa-apa perbuatan salah laku yang mereka lakukan. Satu mekanisme yang telus dan adil serta saksama hendaklah dilaksanakan bagi mengklasifikasikan apa-apa dokumen tersebut sebagai “Rahsia” atau sebaliknya.

54 Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), *The Media in Malaysia*, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Kuala Lumpur, Malaysia, 2005, p. 30.

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 telah digubal bagi mengawal selia penyebaran maklumat melalui media cetak. Lesen atau permit hendaklah diperolehi daripada Kementerian Dalam Negeri, yang mana, kuasa Menteri Dalam Negeri menentukan kelulusan lesen atau permit tersebut merupakan syarat yang hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Dalam melihat hubungannya dengan kebebasan akademik, pemakaian Akta ini boleh dilihat dari dua sudut pandang yang berbeza.

Secara positifnya, Akta ini boleh dijadikan instrumen bagi memastikan apa-apa penerbitan tersebut tidak mengakibatkan keharmonian negara terganggu. Dari sudut pandang yang lain pula, kuasa yang diberikan kepada Menteri tersebut adalah terlalu luas yang boleh mengakibatkan interpretasi terhadap apa-apa bahan percetakan tersebut dikategorikan sebagai tidak layak untuk diedarkan kepada masyarakat umum, walaupun bahan percetakan tersebut berkemungkinan dapat memberikan manfaat dan impak yang positif kepada masyarakat amnya.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, antara lain digubal bagi mengawal selia penyebaran maklumat melalui medium *siber* atau *internet* atau medium telekomunikasi yang lain. Akta ini digubal bagi mengawal penyiaran tradisional, telekomunikasi dan perkhidmatan atas talian, termasuk kemudahan dan rangkaian yang digunakan dalam memberikan perkhidmatan tersebut, serta kandungan yang dibekalkan menerusi kemudahan dan rangkaian tersebut. Dengan melihat kepada Seksyen 2(h) Akta 588 ini, menunjukkan terdapat satu usaha yang baik bagi mempertingkatkan kemahiran modal insan melalui penumpuan yang diberikan dalam bidang sumber maklumat ini. Keadaan ini sudah tentu memerlukan penyampaian maklumat dan pengetahuan secara telus dan bebas tanpa apa-apa sekatan yang tidak wajar daripada mana-mana pihak sekalipun. Keadaan ini juga sekali gus menjurus kepada pertumbuhan yang positif bagi hak dan kebebasan akademik, selaras dengan garis panduan yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 juga antara akta yang mempunyai kaitan yang rapat dengan kebebasan akademik terutamanya yang melibatkan Seksyen 15A, 15B, 15C, 15D, dan 16, yang melibatkan para penuntut institusi pendidikan tinggi di Malaysia.

Dalam kes *Dr Che Wan Fadhil Bin Che Wan Putra & Ors v Universiti Teknologi Malaysia*⁵⁵, mahkamah mengambil kira pendapat hakim Kanada

55 [2010] MLJU 361.

dalam memutuskan kes, iaitu *autonomi* sesebuah universiti termaktub di bawah undang-undang dan mereka bukan organ-organ kerajaan, walaupun skop tindakan adalah terhad sama ada dengan peraturan atau kerana pergantungan mereka kepada dana kerajaan. Masing-masing mempunyai badan induk sendiri, menguruskan hal ehwalnya sendiri, peruntukan dana dan matlamat sendiri dalam had undang-undang. Universiti mempunyai kuasa untuk memutuskan perkara-perkara yang berhubungan dengan pekerjaan profesor. Kerajaan tidak mempunyai kuasa undang-undang untuk mengawal mereka. *Autonomi* itu merupakan undang-undang yang sepatutnya disokong kuat sebagai kedudukan tradisional mereka dalam masyarakat. Sebarang percubaan oleh kerajaan untuk mempengaruhi keputusan universiti, terutamanya keputusan mengenai pelantikan dan pemecatan kakitangan akademik, mestilah dikendalikan secara bebas oleh universiti atas dasar bahawa ini boleh membawa kepada pelanggaran kebebasan akademik jika terdapat sebarang sekatan.

KESIMPULAN

Dari sudut pandangan positifnya, telah terdapat banyak peruntukan dalam statut-statut di Malaysia ini yang memberikan impak yang baik dalam perkembangan kebebasan akademik bagi merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan bagi beberapa institusi pengajian tinggi di Malaysia sama ada institusi pengajian tinggi awan atau swasta. Selain itu, statut-statut utama di Malaysia juga seperti Perlembagaan Malaysia, Akta Hak Cipta 1987, dan lain-lain peruntukan yang boleh dianggap positif dengan melihat kepentingan jaminan kualiti pendidikan di Malaysia secara terperinci. Perlembagaan Persekutuan perlu diperincikan lagi dari sudut skop dan konteks sekatan yang dikenakan dalam menyuarakan pendapat oleh seseorang warganegara tersebut bagi membuka ruang dan peluang dalam menggalakkan para ahli akademik menghasilkan penemuan baharu yang boleh menyumbang ke arah mencapai taraf negara maju pada masa yang akan datang.

Sebaliknya pula, terdapat sebilangan statut-statut yang agak menekan kebebasan akademik di Malaysia, contohnya, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), Akta Hasutan 1948 (Akta 15), Akta Fitnah 1957 (Akta 286), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301), Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan lain-lain, seperti yang telah dibincangkan dalam artikel ini. Statut-statut tersebut perlu diperhalusi

dan dibuat penambahbaikan bagi memastikan tiada sekatan yang tidak munasabah dikenakan terhadap mereka yang menyatakan apa-apa kebenaran yang berlandaskan fakta dan autoriti yang berkaitan.

Seterusnya, yang perlu dilihat dan diperbaiki adalah dengan meneliti mana-mana peruntukan yang menekankan kebebasan akademik secara “agak keras” perlu dibuat satu penelitian semula dalam menjadikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat diadaptasikan dalam proses perkembangan ilmu di Malaysia secara kondusif dan positif.

Pelan tindakan kerajaan untuk menggalakkan reformasi institusi pengajian tinggi ke arah bersifat keusahawanan mengundang ke arah kurangnya sifat ilmiah sesebuah institusi pengajian tinggi tersebut kerana fokus utama penubuhannya telah beralih arah kepada pengkorporatan dan kurangnya penekanan nilai estetika ilmiah seperti yang sepatutnya. Hal ini berlaku disebabkan galakan bagi mendapatkan dana dalam menampung kos penyelidikan dibiayai oleh pihak-pihak yang tertentu yang lebih memikirkan tentang nilai komersial yang diperoleh hasil daripada pembiayaan mana-mana penyelidikan yang ditanggungnya. Dalam hal yang berkaitan, Kurt Nordsstrom menyatakan bahawa anda bebas untuk meminta wang berapa sahaja jumlah yang anda suka, tetapi anda tidak akan mendapat wang untuk apa-apa sahaja yang anda suka. Apabila anda mendapat pembiayaan, tidak pernah cukup, dan cara sebeginilah yang menghalang kebebasan anda untuk menyatakan perkara yang sepatutnya disuarakan kepada khalayak ramai.⁵⁶ Kita berhadapan dengan batasan skop yang cukup membimbangkan dari sudut perkembangan ilmiah disebabkan oleh keadaan yang meruncing ini.

Tanpa kebebasan akademik, perkembangan ilmu akan terbantut dan menguncup. Idea baharu dan bernas juga tidak dapat dibuktikan menurut disiplin ilmu yang ketat dan akhirnya memberikan kesan yang tidak baik terhadap perkembangan minda pelajar yang memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar ahli akademik yang pakar dalam bidangnya. Sepatutnya para pelajar dan ahli akademik diberikan ruang yang luas dan terbuka dalam membincangkan perkara atau isu yang berkait rapat dengan subjek yang dipelajari, dan bukan hanya sekadar menyalin daripada buku rujukan sahaja. Aplikasi bidang ilmu adalah penting dalam membina masyarakat yang berpengetahuan dan inovatif bagi mewujudkan persekitaran budaya ilmu yang menjadi tonggak dalam memacu kemajuan dan pembangunan generasi yang holistik.

56 Nordström, Kurt.(1983). Control of plasmid replication: A synthesis occasioned by the recent EMBO Workshop on replication of prokaryotic DNA, held at de Eemhof, The Netherlands, May 1982 (organizers: Veltkamp and Weisbeek), *Plasmid*, 9(1), 1-7.

Institusi pengajian tinggi dan ahli akademik hendaklah memainkan peranan masing-masing dengan membuktikan bahawa hak dan kebebasan akademik merupakan satu platform yang amat penting bagi melonjakkan perkembangan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat. Masyarakat pula hendaklah menghormati hak dan kebebasan tersebut dengan melihat pendapat dan hasil kajian yang diterbitkan sebagai penemuan yang bernilai dan diberikan pengiktirafan yang sewajarnya. Sekiranya hubungan antara masyarakat dan mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang akademik ini difahami secara positif, maka hasil yang bakal diperoleh juga akan dapat memberikan impak yang terbaik dalam memacu sebuah masyarakat yang mementingkan budaya ilmu dalam sesebuah negara. Jika keadaan ini dapat direalisasikan, maka, masyarakat juga akan mendapat manfaat yang banyak daripada pelbagai penemuan terkini yang dapat dihasilkan melalui penyelidikan yang dijalankan dari semasa ke semasa.

PENGHARGAAN

Rakaman ucapan terima kasih kepada Dr. Ramalingam Rajamanickam pensyarah Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, atas buah fikiran bagi menentukan hala tuju penulisan, komen dan gaya bahasa yang digunakan dalam penghasilan artikel ini.

RUJUKAN

- Abang Mohd Razif Abang Muis. (2015). *Pembangunan Insan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akta Fitnah 1957 (Akta 286)
- Akta Hasutan 1948 (Akta 15).
- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).
- Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301).
- Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88).
- Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).
- American Association of University Professors, 1940 Statement of Principles on Academic Freedom and Tenure. (2018). Capaian daripada <https://www.aaup.org> (21 September 2019).
- American Council on Education, Statement on Academic Rights and Responsibilities. (2018). Capaian daripada <http://www.acenet.edu> (23 September 2019).
- Andrea Simina Raule, Constantin Oprean & Mihail Aurel Titu, The Role of Universities in the Knowledge Based Society. (2016). *International Conference Knowledge Based Organization, XXII (I)*.

- Anthony J. Diekema. (2000). *Academic Freedom and Christian Scholarship*. Michigan: William B. Eerdmans Publishing Company.
- Bailey, RW. (1989). *Human performance engineering: using human factors/ergonomics to achieve computer system usability*, 3rd. Englewood Cliffs, New Jersey, USA: Prentice Hall.
- Caldwell, BS. (1997). Components of information flow to support coordinated task performance. *International Journal of Cognitive Ergonomics*, 1, 25–41. Capaian daripada <https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/14639220802059190> (13 September 2019).
- Brock, A. (2011). *Perspectives on Professionalism in A. Brock & C. Rankin [eds]. Professionalism in the Interdisciplinary Early Year Team*. New York: Continuum.
- Friedson, E.. (2001). *Professional Powers*. Chicago: University of Chicago Press.
- McCombs, B.L. et al. (1991). *Learner Centered Psychological Principles: Guidelines for School Redesign and Reform*. Washington D.C.: American Psychological Association.
- Vaske, J.M.. (1986). *Critical Thinking in Adult Education: An Elusive Quest for a Definition of the Field* (Unpublished Ed. D. Dissertation). Drake University.
- Caldwell, BS., Components of information flow to support coordinated task performance. *International Journal of Cognitive Ergonomics*, 1, 1997.
- Cambridge University Press, Meaning of expertise in English. (2019). Capaian daripada <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/expertise> (13 September 2019).
- Dear, Peter. (2004). Mysteries of State, Mysteries of Nature, Authority, Knowledge and Expertise in the Seventeenth Century. Sheila Jasanoff (Ed.), *In States of Knowledge: The Co-production of Science and the Social Order*, 206–224. London: Routledge.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, Maklumat Kata: Kamus Bahasa Melayu. (2017). <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pakar> (13 September 2019).
- Douglas Laycock. (1995). Academic Freedom, Religious Commitment, and Religious Integrity. *Marquette Law Review*, 78(2), Symposium on Religiously Affiliated Law Schools.
- Edmund L. Pincoffs. (1975). *American Council of Learned Societies, University of Texas at Austin*. Graduate School University of Texas Press.
- European Union. (2010). *Charter of Fundamental Rights of the European Union, Official Journal of the European Union C83*, 53, 380. Brussels: European. Capaian daripada <https://www.eos.cartercenter.org> (20 September 2019).
- Franke, A. (2011). Academic freedom primer. *Trusteeship Magazine*, 4, 19. Capaian daripada https://scholar.google.com/scholar?cluster=14830613918947687252&hl=en&as_sdt=0,5&sciodt=0,5 (25 September 2019).
- Ghareeb, N. A. (2010). *Academic freedom of faculty members at Kuwait University: Issues of Understanding and Freedom of Research and Publishing*. United Kingdom: Cardiff University.

- Grundmann R. (2017). The Problem of Expertise in Knowledge Societies. *Minerva*, 55(1), doi:10.1007/s11024-016-9308-7, <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC5306236/#CR16> (13 September 2019).
- Hoffman, RR, Feltovich, PJ and Ford, KM. (1997). *A general framework for conceiving expertise and expert systems in context, Expertise in context*, Edited by: Feltovich, PJ, Ford, KM and Hoffman, RR. Menlo Park, California, USA: AAAI Press, 1997. <https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/14639220802059190> (13 September 2019).
- Hodgkin, Thomas. (1967). African Universities and the State: Another View. *Comparative Education*, 3(2), 107-111.
- Karran, T., Academic freedom in Europe: A preliminary comparative analysis. *Higher Education Policy*, 20(3), 2007.
- Karran, Terence. (2009). Academic Freedom: In Justification of a Universal Ideal. *Studies in Higher Education*, 34.
- Kell, P., Philips, R. & Hoare, L. (2011). *A Comparative Study of Selected Higher Education Systems in Asia: Country Report Australia, Unpublished Country Report, A Comparative Study of Selected Higher Education Systems in Asia, National Higher Education Research Institute*. Penang: IPPTN.
- Mieg, HA. (2001). *The Social Psychology of Expertise: Case Studies in Research, Professional Domains, and Expert Roles*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, 2001, <https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/14639220802059190> (13 September 2019).
- Morris, Arval A. (1963). Academic Freedom and Loyalty Oath. *Law and Contemporary Problems*, 28.
- Nordström, Kurt. (1983). Control of plasmid replication: A synthesis occasioned by the recent EMBO Workshop on replication of prokaryotic DNA, held at de Eemhof, The Netherlands, May 1982 (organizers: Veltkamp and Weisbeek), *Plasmid*, 9(1), 1-7.
- Nur Fariza Tukiman & Norhasni Zainal Abiddin. (2018). Makna Kepakaran dalam Profesion Doktor Perubatan di Malaysia. *Mimbar Pendidikan: Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*, Volume 3(2), September 2018, UPI (Indonesia University of Education) Press in Bandung, West Java, Indonesia, ISSN 2527-3868 (print), 2503-457X (online), p. 138, <http://ejournal.upi.edu/index.php/mimbardik> (13 September 2019).
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Carian PRPM: 'Bidang' (2017), <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=bidang&d=10>(13 September 2019).
- Robert K. Poch. (1993). Academic Freedom in America Higher Education: Rights, Responsibilities, and Limitations. *ERIC Clearinghouse on Higher Education, Association for the Study of Higher Education*, The George Washington University, 12 May 1993.

- Sarjit Kaur, Shukran Abdul Rahman & Koo Yew Lie. (2014). *Comparing Selected Higher Education Systems in Asia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Scanlon, T. (1975). *Academic Freedom and the Control of Research*, in E.L Pincoffs (Ed), *The Concept of Academic Freedom*. Texas, USA: Austin: University of Texas Press.
- Scardamalia, M and Bereiter, C. (1991). *Literate expertise: In Toward a General Theory of Expertise*. Ericsson, KA and Smith, J. (Eds.). New York: Cambridge University Press, 1991, <https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/14639220802059190> (13 September 2019).
- Seifert, CM. (1997). *Experience and expertise: the role of memory in planning for opportunities*, *Expertise in context: Human and machine*. PJ, Ford, KM and Hoffman, RR. (Eds.). Menlo Park, California: The MIT Press.
- Shahrina Md Nordin, Wan Fatimah Wan Ahmad, Yunus Mohd Nayan, Abdul Malek Abdul Rahman, Noraini Ismail, Noor Aini Ahmad & Othman Mohd Yunus. (2015). *Towards Academic Excellence in Perak: Strengthening the Human Capital*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Shils, Edward. (1991). *Academic Freedom*. In *International Higher Education: An Encyclopedia*, Vol. 1. Philip Altbach (Ed.). New York and London: Garland Publishing.
- Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), (2005). *The Media in Malaysia*, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM). Kuala Lumpur, Malaysia.
- Tahraoui Ramdani. (2016). *The Curriculum of the Islamic Education: Theoretical and Practical Challenges*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Tett, R. P., & Meyer, J. P. (1993). Job satisfaction, organizational commitment, turnover intention, and turnover: Path analyses based on meta-analytic findings. *Journal of Personnel Psychology*, 46, 259-294, <http://dx.doi.org/10.1111/j.1744-6570.1993.tb00874.x> (23 September 2019).
- The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). (2018). *Recommendation Concerning the Status of Higher-Education Teaching Personnel*. Capaian daripada <https://portal.unesco.org> (19 September 2019).
- William W. Pendleton. (1994). The Freedom to Teach. *New Directions for Higher Education*, Issue 88.
- Zaini Ujang. (2011). *Embrace the Knowledge: Understanding Knowledge, Putting it into Practice*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Zaini Ujang. (2009). *The Elevation of Higher Learning*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Diperoleh (received): 12 September 2019

Diterima (accepted): 2 November 2019